

NOTA CERDIK

Kata Ganti Nama Tunjuk

- 1 Kata ganti nama tunjuk berfungsi mengarah kepada sesuatu perkara, benda, atau tempat.
- 2 Kata ganti yang merujuk perkara atau benda disebut kata ganti nama tunjuk umum dan boleh dibahagikan kepada dua iaitu *ini* (menunjuk pada yang dekat) dan *itu* (menunjuk pada yang jauh).
- 3 Kata ganti tunjuk tempat terdiri daripada *sini* (menunjuk pada arah dekat), *situ* (arah agak jauh), dan *sana* (arah jauh).

Praktis 2 Kata Ganti Nama Tunjuk

Isi tempat kosong dengan kata ganti nama tunjuk yang betul.

- 1 "Jemput minum air _____," pelawa Puan Suraya kepada tetamunya.
- 2 "Oh, lelaki _____ ialah bapa saudara saya!" jelas Punitha kepada sahabatnya.
- 3 "Sila salin nota yang saya baca _____," kata Cikgu Tan kepada murid-muridnya.
- 4 "Di manakah awak simpan buku saya _____?" tanya Jachinta kepada kakaknya.
- 5 "Tbu, duit baki _____ saya masukkan ke dalam tabung ya," kata Anis kepada ibunya.

NOTA CERDIK

Kata Ganti Nama Tanya

- 1 Kata ganti nama tanya ialah jenis kata nama yang berfungsi menanyakan hal benda, perkara atau manusia.
- 2 Terdapat tiga bentuk kata ganti nama diri tanya, iaitu *siapa* (merujuk orang), *apa* (merujuk benda atau perkara), dan *mana* (merujuk benda atau orang).

Praktis 3 Kata Ganti Nama Tanya

Gariskan kata ganti nama diri tanya yang betul dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 Di (apa, mana) kah awak tinggal?
- 2 Wanita yang cantik itu (apa, siapa)?
- 3 Kuih yang sedap ini dibuat daripada (apa, siapa)?
- 4 Awak buat (siapa, apa) sepanjang cuti sekolah yang lalu?
- 5 Budak lelaki yang berdiri di sini tadi pergi ke (mana, apa)?

NOTA CERDIK

Kata Ganti Nama Diri

- 1 Kata ganti nama digunakan untuk menggantikan kata nama orang.
- 2 Ada tiga jenis kata ganti nama diri:
 - (a) Kata ganti diri pertama, iaitu perkataan yang menggantikan nama orang yang bercakap. Contoh: *aku, saya, hamba, patik, dan kita*.
 - (b) Kata ganti diri kedua, iaitu perkataan yang digunakan untuk menggantikan perkataan orang yang dilawan bercakap. Contoh: *awak, anda, engkau, kamu, encik, tuan, saudari, kalian, dan awak semua*.
 - (c) Kata ganti diri ketiga, iaitu perkataan yang digunakan untuk menggantikan nama orang yang diperkatakan. Contoh: *dia, beliau, ia, baginda, nya, dan mereka*.